

Ahli Umno perlu puas hati dengan satu jawatan: PM

BH - 4 MAY 2001

Oleh Kadir Dikoh dan Wan Esuriyanti Wan Ahmad

KUALA LUMPUR, Khamis - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menasihatkan ahli Umno berpuas hati dengan satu-satu jawatan yang dipegang tanpa perlu bertanding jawatan lain.

"Saya rasa... seseorang itu patut berpuas hati dengan satu jawatan," katanya mengulas tindakan sesetengah ahli Pergerakan Pemuda Umno yang ghairah merebut jawatan ketua atau timbalan ketua bahagian meskipun sudah menyandang jawatan Ketua Pemuda di bahagian yang sama.

Ditanya adakah ini bermakna seseorang itu tidak boleh bertanding jawatan lain, Presiden Umno berkata: "Tidaklah...tapi pilihlah mana-mana satu."

"Kadang-kadang sebagai

Presiden Umno mahu semua pihak, sama ada muka lama atau baru perlu kembali bersatu bagi mengukuhkan parti

jawatan sandaran boleh jugalah. Macam sesetengah orang dia bertanding untuk satu jawatan tetapi dia bertanding juga untuk jawatan yang rendah, kalau-kalau dia tak menang situ, dia menang sini."

Terdahulu, Perdana Menteri merasmikan Persidangan Ketua-Ketua Perwakilan Malaysia di Luar Negara di Seri Kembangan, dekat sini hari ini.

Mengenai pandangan sesetengah pihak bahawa tindakan mereka yang ma-

hu memegang dua jawatan itu sebagai gelojoh, Dr Mahathir berkata itu terpulung kepada tanggapan masing-masing.

"Itu pendapat oranglah. Bagi saya kalau ada orang yang nak sokong, orang akan sokong. Tetapi kalau orang nampak ini sebagai satu tindakan gelojoh tentulah tak sokong, dia kalah. Ada yang menang pun saya ingat," katanya.

Beliau turut ditanya mengenai harapannya terhadap 37 muka baru yang dipilih menerajui Umno bahagian selepas 160 dari-

pada 165 bahagian menyelesaikan mesyuarat masing-masing Isnin lalu, sejak bermula 1 April.

Dalam hubungan ini, Dr Mahathir meminta semua ahli Umno yang baru saja selesai mengadakan mesyuarat perwakilan bahagian supaya merapatkan semula barisan dan memberi sokongan kepada calon yang menang.

Katanya, semua pihak sama ada muka lama atau baru perlu kembali bersatu bagi mengukuhkan parti manakala pihak yang tewas terutama dalam pemilihan bagi jawatan ketua bahagian, hendaklah terus memberi kerjasama.

"Bagi saya, tak kira sama ada dia baru ataupun lama, apabila selesai pemilihan, semua akan rapatkan balik barisan dan memberi sokongan kepada pihak

yang menang.

"Sekarang ini pemilihan sudah selesai, jadi tugas ahli Umno dan mereka yang bertanding ialah untuk menyokong pihak yang menang," katanya.

Mesyuarat lima lagi bahagian, iaitu Gombak di Selangor, Silam (Sabah), Jelutong (Pulau Pinang), Bukit Bintang (Wilayah Persekutuan) dan Kuantan (Pahang), sama ada ditangguh atau diadakan semula berikutan masalah status cawangan, jumlah kertas undi melebihi jumlah perwakilan, jumlah undi calon ketua bahagian sama atau dakwaan berlaku politik wang.

Antara ketua pemuda bahagian yang cuba merebut jawatan ketua bahagian ialah exco Pemuda Umno, Dr Zambry Abdul Kadir. Bagaimanapun, be-

liau tewas kepada penyandang ketua bahagian Lumut iaitu Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Pangkor, Datuk Mohd Wajdi Ishak. Sebelum itu, Zambry menang tanpa bertanding untuk jawatan ketua pemuda bahagian berkenaan.

Ahli Majlis Tertinggi (MT) Umno paling muda, Azimi Daim, 36, pula gagal merebut jawatan Timbalan Ketua Bahagian Kulim Bandar Baru, selepas tewas kepada penyandanginya Hussain Abdul Rahman. Azimi sebelum itu berjaya mengekalkan jawatan Ketua Pemuda bahagian berkenaan apabila menang dengan majoriti 47 undi.

Bagaimanapun, seorang peguam, Jelani Hamdan, 32, yang menjadi ketua bahagian paling muda berjaya dalam usahanya me-

megang dua jawatan apabila memenangi Ketua Umno Bahagian Bandau, Sabah menewaskan penyandanginya Datuk Saidi Suari, Isnin lalu.

Minggu lalu, Jelani mengekalkan jawatan Ketua Pergerakan Pemuda Umno Bahagian Bandau tanpa bertanding.

Seorang lagi muka baru iaitu Ahli Parlimen Tampin, Shaziman Abu Mansor, yang sebelum ini Ketua Pemuda Bahagian Tampin, kini Ketua bahagian itu selepas berjaya mengeneipkan ahli veteran, Datuk Nordin Awal.

Jurutera Tenaga Nasional Bhd (TNE), Nawawi Ahmad, menang dalam perebutan jawatan Timbalan Ketua Bahagian Langkawi selepas menang tanpa bertanding selaku ketua pemuda bahagian itu.